

KKM kenal pasti kluster baharu COVID-19

Astro Awani

05 April 2020

Fauzi Suhaimi,

KUALA LUMPUR:

Kementerian Kesihatan mengenal pasti kluster baharu penularan wabak COVID-19 membabitkan mereka yang mempunyai sejarah perjalanan ke Itali.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kluster berkenaan dikesan berlaku di Sarawak sehingga mengakibatkan kematian sebanyak lima mangsa.

Menurut beliau, kluster itu berpunca daripada 'kes import' yang sebelum ini dibimbangi bakal mencetuskan gelombang baharu itu, kini membabitkan jangkitan sehingga generasi ketiga.

"Kluster berkenaan berpunca daripada pesakit ke-1,580 dan dikesan menjangkiti 37 kes lain termasuk lima kematian iaitu kes ke-1,031; ke-1,032; ke-1,006; ke-2,850 dan ke-2,210 serta seorang pesakit memerlukan bantuan pernafasan dalam unit rawatan rapi (ICU).

"Sehingga pukul 12 tengah hari tadi, sebanyak 180 negara di seluruh dunia yang terjejas akibat jangkitan COVID-19. Justeru, sememangnya wujud risiko bagi kes-kes COVID-19 luar negara diimport dan mengakibatkan penularan di dalam negara," katanya dalam sidang media harian di sini pada Ahad.

Dalam pada itu, Noor Hisham meminta semua pihak untuk bersikap jujur selain memberikan maklumat lengkap sekiranya mempunyai sejarah kontak rapat kes positif COVID-19.

Tegasnya, maklumat berkaitan perjalanan ke luar negara atau pernah terbabat dalam sebarang perhimpunan yang diumumkan kementerian sebagai berkait rapat dengan jangkitan COVID-19, tidak wajar disembunyikan daripada petugas kesihatan.

"Sekiranya ada yang bergejala semasa ketibaan di pintu masuk antarabangsa atau ketika berada di stesen kuarantin, mereka akan dihantar ke hospital yang dikenal pasti untuk pemeriksaan dan rawatan.

"Mereka yang dikesan positif COVID-19 melalui ujian pengesanan sampel yang dijalankan, akan dirujuk ke hospital dikenalpasti untuk tujuan pengasingan, pemeriksaan, rawatan dan pemantauan,"katanya.

Sehubungan itu, beliau menambah, selaras Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), rakyat Malaysia yang pulang dari luar negara akan ditempatkan di stesen kuarantin yang disediakan.

"Di pintu masuk negara, mereka akan menjalani saringan kesihatan bagi mengesan demam dan gejala COVID-19, manakala ujian pengesanan akan dijalankan serta mereka dipantau selama 14 hari di stesen kuarantin," tegasnya.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kkm-kenal-pasti-kluster-baharu-covid-19-236893>